

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Libaran atas soalan yang dikemukakan.

2. Sememangnya negara-negara Islam dan umat Islam sentiasa berdepan dengan pelbagai cabaran semasa. Dalam hal ini, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sentiasa menitik-beratkan aspek perpaduan dan kebersamaan, seperti yang digariskan dalam Piagam OIC. Kepentingan aspek-aspek tersebut ditekankan semasa Sesi Ke-13 Sidang Kemuncak OIC yang berlangsung baru-baru ini di Istanbul, Turki pada 14 dan 15 April 2016, di mana *“Unity and Solidarity for Justice and Peace”* telah dipilih sebagai tema.
3. Sebagai usaha OIC dalam menangani konflik yang dihadapi oleh negara-negara Islam dan umat Islam pada masa kini, OIC telah mewujudkan Kumpulan-Kumpulan Perhubungan Menteri-Menteri Luar Negeri OIC bagi mencari jalan penyelesaian terhadap konflik-konflik yang berlaku. Antaranya adalah mengenai isu Palestin dan Al-Quds Al-Sharif, Somalia, Sierra Leone, Bosnia dan Herzegovina, Yaman, dan umat Islam Rohingya di Myanmar. Malaysia menganggotai kesemua Kumpulan-Kumpulan Perhubungan Menteri-Menteri Luar Negeri OIC tersebut.
4. Dengan adanya Kumpulan-Kumpulan Perhubungan ini, penumpuan yang lebih khusus dapat diberikan bagi membantu mereka yang berhadapan dengan konflik. Malaysia sebagai anggota kepada Kumpulan-Kumpulan Perhubungan ini sentiasa memberi sumbangan bermakna bagi merealisasikan objektif penubuhan Kumpulan-Kumpulan Perhubungan tersebut. Penubuhan Kumpulan-Kumpulan Perhubungan ini didapati berkesan dalam memberi nasihat dan bantuan kepada pihak-pihak bertelingkah agar konflik mereka dapat diselesaikan dengan baik dan segera.

Sekian, terima kasih.